

17 OCT 2000

Mahathir-K-Ekonomi

CEBURI E-DAGANG DAN K-EKONOMI TETAPI JANGAN TERLALU MENGHARAP, KATA PM

PETALING JAYA, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sementara rakyat Malaysia patut menceburi E-dagang dan ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi, mereka tidak seharusnya meletakkan harapan terlalu tinggi daripada perniagaan baru ini.

Katanya banyak keuntungan yang boleh diperolehi daripada aplikasi data dan pengetahuan yang tepat pada masanya, perisian yang betul dan idea yang sesuai.

"Sama ada ini baik atau tidak, sukar untuk ditentukan sekarang. Kita tidak mempunyai cukup pengalaman mengenai perjalanan sebenar E-dagang dan K-ekonomi," katanya dalam uapctama pada persidangan K-ekonomi anjuran Biro Keanggotaan Berbahasa Inggeris MCA.

Dr Mahathir berkata adalah berkemungkinan bagi E-syarikat untuk tumbuh dengan pesat dan menghasilkan pulangan yang tinggi bagi golongan yang membawa pembaharuan dan usahawan tetapi akan ada kegagalan, bagaimanapun ia tidak seharusnya menghalang kecenderungan mereka yang realis untuk mengeksplot cara baru menjalankan perniagaan.

"Keghairahan mengenai K-ekonomi adalah mengesankan. Ramai yang melihat pertumbuhan yang tiada hadnya dan kekayaan baru yang tidak pernah berlaku sedang diwujudkan," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka melihat dotcom dan syarikat lain berasaskan internet sebagai menguntungkan dan mereka kegilaan membuat pelaburan, menanam modal dalam semua perkara walaupun jauh kaitannya dengan E-dagang.

Dr Mahathir bercakap panjang lebar mengenai jatuh bangun K-ekonomi dan E-dagang sambil menarik perhatian bahawa saham-saham syarikat dotcom melonjak naik sehingga ia menjadi tiada kaitan langsung dengan perniagaan sebenar yang dilakukan.

Beliau berkata syarikat sedemikian mungkin berasaskan pengetahuan tetapi mereka masih perlu menghasilkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang memberikan mereka pulangan yang munasabah.

"Gelembung itu membesar dan terus membesar sehingga ia meletus. Ramai yang akan terjejas. Banyak wang yang kerugian. Dan tiba-tiba syarikat dotcom menjadi liabiliti kerana kegagalan mereka membuat keuntungan menjadi pengetahuan am," katanya.

Bagaimanapun ini tidak bermakna syarikat dotcom tidak berupaya membuat keuntungan atau membesar, katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang paling menarik mengenai E-dagang ialah bagaimana mudahnya sesuatu itu menjadi global dan sempadannya tidak menghadkan perniagaan sebagaimana yang berlaku dalam perniagaan cara lama dan penembusan pasaran adalah lebih mudah.

Dr Mahathiru berkata ramai yang menceburi E-perniagaan merupakan orang muda, lulusan universiti yang dalam lingkungan umur 20an malahan pelajar universiti yang tercicir.

"Ekonomi berasaskan pengetahuan ialah mengenai maklumat dan ilmu yang membawa kepada produk dan perkhidmatan yang lebih baik. Malah menanam sawi boleh menjadi satu kegiatan K-ekonomi jika para penanam sawi menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat mengenai cara terbaik menanam sawi atau bagaimana untuk menghubungkan bekalan dan permintaan secara lebih berkesan," katanya.

Perdana Menteri mencabar setiap anggota MCA dan mereka yang menghadiri persidangan hari ini untuk mula melihat semua perkara dari perspektif ruang siber.

"Seminar hari ini tidak akan menghasilkan pengetahuan kecuali ia membawa perubahan pada tabiat anda. Maklumat hanya akan menjadi ilmu apabila ia menjadi sebahagian besar cara anda memperbaiki diri dan meningkatkan cara anda melakukan sesuatu."

Dr Mahathir berkata K-ekonomi adalah mengenai pembelajaran. Adalah mudah untuk memperoleohnya selagi anda bersedia untuk terus belajar daripada satu sama lain dan daripada dunia.

-- BERNAMA

AR NZ ZS AHH RON